



Permodalan Nasional Berhad

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

20 April 2020

**YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA MENGALU-ALUKAN
PENGERUSI DAN TIMBALAN PENGERUSI BAHARU**

KUALA LUMPUR, 20 APRIL 2020 – Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) hari ini mengumumkan dua lantikan baharu dalam Lembaga Pemegang Amanah YPB yang dianggotai oleh empat ahli, seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc).

Berkuat kuasa 14 April 2020, Perdana Menteri YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin telah mengambil alih jawatan Pengerusi YPB, manakala Menteri Kewangan YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi.

Tiada sebarang perubahan bagi dua Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPB sedia ada, iaitu YBhg Tan Sri Dr. Zeti Aziz dan YBhg Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang. Tan Sri Dr. Zeti Aziz ialah Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang merupakan syarikat pelaburan YPB, dan Tan Sri Ambrin ialah mantan Ketua Audit Negara Malaysia dan juga merupakan wakil dari sektor swasta.

Lembaga Pemegang Amanah YPB dan Lembaga Pengarah PNB mengalu-alukan pelantikan baharu barisan Lembaga Pemegang Amanah YPB dan akan bekerjasama rapat dengan kepimpinan serta bimbingan mereka bagi membawa PNB ke tahap seterusnya dalam usaha untuk menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia, yang terus gigih menghasilkan pulangan mampan untuk 14 juta pemegang unitnya.

Lembaga Pemegang Amanah YPB dan Lembaga Pengarah PNB turut merakamkan penghargaan kepada mantan Pengerusi YPB, YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mantan Pengerusi Alternatif, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali atas bimbingan dan sumbangan mereka sepanjang tempoh kepimpinan.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad